

[Home](#) / [2025](#) / [December](#) /

UiTM Pulau Pinang dan KWSP Perkukuh Literasi Kewangan Melalui Program “Simpan Baik-Baik”

SINERGI

12/12/2025 / DR NOR HIDAYAH HARUN



PULAU PINANG, 1 Disember 2025 – UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Wilayah Utara telah berjaya menganjurkan program literasi kewangan “**Simpan Baik-Baik bersama KWSP**” bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dari 4 hingga 6 November 2025. Program selama tiga hari ini mendapat sambutan luar biasa dengan kehadiran seramai **3,541 pengunjung** merangkumi pelajar, staf dan komuniti setempat.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan, simpanan berdisiplin dan keselamatan sosial melalui pendekatan interaktif. KWSP turut menyediakan **tujuh zon pameran** yang memberi penerangan mengenai i-Akaun, i-Saraan, perancangan persaraan dan pengurusan simpanan. Zon-zon ini berjaya menarik minat pengunjung khususnya golongan muda yang sedang membina asas literasi kewangan.

Bagi meningkatkan keterlibatan pelajar, program ini menampilkan sesi perkongsian santai bersama influencer terkenal seperti **Benang by Nini, Irdina Hani, Alif Satar & The Locos, Kucaimars &**

Emeer Bakri serta **The Helmis**. Kehadiran mereka bukan sahaja memeriahkan suasana, tetapi turut membantu menyampaikan mesej kewangan bijak secara kreatif dan mudah difahami.





Dalam masa yang sama, pelajar ENT300 UiTM CPP melalui inisiatif **Young Entrepreneurial Summit (YES 3.0)** turut terlibat secara aktif melalui gerai keusahawanan. Penglibatan ini memberi peluang kepada pelajar mengasah kemahiran keusahawanan, mengurus operasi jualan sebenar serta mempraktikkan pembelajaran secara hands-on selari dengan aspirasi pembelajaran holistik UiTM.

Program ini turut menerima sokongan penuh daripada pelbagai bahagian termasuk **Jabatan Pengurusan dan Perniagaan (JPP)**, **PTAR**, **ICAN**, **PJIM&A** serta **Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)**. YBhg. **Prof. Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Razali**, Menjalankan Fungsi Rektor UiTM CPP, hadir sebagai perasmis dan menyatakan penghargaan terhadap usaha kolaboratif antara universiti dan KWSP dalam memperkukuh pendidikan kewangan kepada generasi muda.

Melalui pendekatan kerjasama industri dan penglibatan pelajar secara menyeluruh, program ini berjaya memperkukuh kesedaran literasi kewangan dalam kalangan warga kampus serta menyumbang kepada pembangunan komuniti celik kewangan yang berdaya saing. UiTM CPP komited meneruskan kerjasama strategik seperti ini pada masa akan datang.



Tags: Alif Satar & The Locos, Benang by Nini, Irdina Hani, Kucaimars & Emeer Bakri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Wilayah Utara, The Helmis, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

□ UiTM Raub Jayakan Program
StatHero Initiative Program (SHIP)
Bersama Komuniti Pondok At-
Tajuddin

UiTM Lancar Aplikasi “Flood Guard
Mobile App Budi@Iarm” Bantu
Tingkatkan Kesiapsiagaan Banjir
Komuniti Kampung Budiman □

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

